

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 1, Issue 1, March 2016

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:

www.msocsciences.com**Program Pembasmian Kemiskinan: Penglibatan Komuniti Iban dalam Membuat Keputusan****Kwok Chin Hoe¹, Novel Lyndon², Haris Abd Wahab³,**¹Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia (UPM)²Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM)³Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya (UM)Correspondence: Kwok Chin Hoe (chinhoekwok@gmail.com)**Abstrak**

Penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti membuat keputusan mempunyai peranan yang penting dalam menentukan setiap keputusan yang akan diambil oleh agensi pelaksana dalam pelaksanaan sesuatu program pembasmian kemiskinan adalah berpaksikan kepada keperluan komuniti setempat. Keterlibatan tersebut diakui penting dalam memastikan program yang diadakan itu telah mendapat “restu” daripada komuniti setempat dan seterusnya memenangi sokongan serta kerjasama daripada mereka dalam menjayakan program yang akan dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan komuniti Iban dalam aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program pembasmian kemiskinan (Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat) yang dilaksanakan di Daerah Song, Sarawak. Untuk mencapai matlamat ini, kaedah kaji selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian. Borang soal selidik ditadbirkan ke atas 260 orang Ketua Isi Rumah (KIR) komuniti Iban di rumah panjang. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif menerusi pengatur cara Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 16.0. Secara keseluruhannya, penemuan kajian ini menunjukkan sebilangan besar (90.0%) KIR telah terlibat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti membuat keputusan berkaitan pelaksanaan program-program di bawah SPKR. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR menyatakan mereka sekali sekala terlibat dalam aktiviti menghadiri mesyuarat, mewakili penduduk dalam perbincangan, memberi pendapat dalam perbincangan, mengurus konflik pelaksanaan program dan menanyakan soalan dalam perbincangan program di bawah skim berkenaan. Walaupun demikian, penemuan kajian ini turut mendapati ramai bilangan KIR yang mengakui mereka tidak pernah terlibat dalam membuat perancangan kerja, menilai masalah dalam pelaksanaan, menyelesaikan masalah pelaksanaan dan membuat keputusan pelaksanaan program di bawah SPKR.

Kata kunci: penglibatan, penglibatan komuniti, membuat keputusan, komuniti Iban, pembasmian kemiskinan

Poverty Eradication Program: The Participation of the *Iban* Community in the Decision-Making Process

Abstract

The participation of the local community in the decision-making activity has its own significant role in determining that every decision made, centralizes on the needs of the local community. Such an involvement is admittedly crucial in ensuring that every program held is “blessed” by the local community and wins their support and cooperation in rendering success to the program. In relation to this, this article aims at recognizing the participation of the Iban community in the decision-making activities with regards to the poverty eradication programs (or People’s Welfare Development Scheme) implemented in the district of Song, Sarawak. To meet this objective, the survey method has been adopted to obtain the information important for the study. The questionnaire forms were distributed to 260 Iban community’s Heads of Household at the longhouse. The data obtained were then analysed using the descriptive statistics through SPSS. All in all, the discovery of this study points to the fact that the majority of the Heads of Household (90.0%) have had participated in at least one decision-making activity in relation to the implementation of the programs under the SPKR or the People’s Welfare Development Scheme. The study finding also shows that the Heads of Household participated in the program’s decision-making activities have pointed out that they occasionally make their voices heard and are involved in ways such as attending the meeting, representing the locals in the discussions, giving opinion in the discussions, managing the conflict that emerges out of the program implementation and posing questions in the discussion of the program under the scheme mentioned. Notwithstanding, the findings also establish that many of the Heads of the Household admitted that they had never taken part in the planning of work, evaluating or troubleshooting that might occur in the execution of the program, in the resolution of implementation issues and in the decision-making on the program implementation under this scheme.

Keywords: participation, community involvement, decision-making, Iban community, poverty eradication

Pengenalan

Penglibatan dalam membuat keputusan merupakan fokus khusus kebanyakan program pembangunan komuniti. Ini kerana keterlibatan komuniti setempat dalam proses membuat keputusan sesebuah program diyakini dapat meningkatkan kawalan mereka terhadap program yang bakal dirangka. Kawalan yang lebih besar oleh komuniti setempat terhadap program-program yang bakal dilaksanakan di tempat mereka akan dapat menimbulkan rasa pemilikan ahli komuniti terhadap program yang diimplementasikan. Rasa pemilikan ini seterusnya mampu meningkatkan kepercayaan komuniti setempat dan dapat menyumbang kepada penyertaan secara sukarela oleh komuniti setempat dalam program yang akan diadakan. Penyertaan tanpa paksaan ini sudah semestinya dapat meningkatkan komitmen daripada komuniti setempat dari segi pelaksanaan program. Kesediaan komuniti setempat melibatkan diri dan memberi kerjasama berupaya memastikan usaha yang diadakan adalah ke arah mencapai matlamat program yang telah disasarkan. Selain itu, penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan dapat menyumbangkan idea-idea baru, maklumat, analisis dan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh komuniti (Haliza 2010). Keterlibatan komuniti setempat dalam proses membuat keputusan dapat memastikan perubahan yang mereka diingini dapat dicapai (Vixathep 2011). Selain itu, keterlibatan komuniti setempat dalam membuat keputusan juga dapat menyumbangkan maklumat yang dapat dijadikan panduan oleh agensi-agens kerajaan dalam membuat keputusan dalam pelaksanaan sesuatu program pembangunan.

Kebiasaannya, ketidakterlibatan atau keengganan komuniti setempat untuk turut serta dalam menjayakan program yang diimplementasikan di tempat mereka adalah kerana ketidaksesuaian program tersebut dengan apa yang diperlukan oleh penduduk lokal. Sekiranya program yang diadakan itu adalah bertepatan dengan keperluan komuniti setempat dan dalam pada masa yang sama program tersebut membawa manfaat atau pun mendatangkan keuntungan kepada mereka, maka tidak timbul isu komuniti setempat tidak bersedia untuk mengambil bahagian dalam menjayakan program tersebut. Keadaan ini membayangkan bahawa halangan utama yang membatasi usaha oleh agensi pelaksana bagi

melibatkan komuniti setempat dalam program pembangunan yang diadakan adalah berpunca daripada kegagalan mengenal pasti keperluan atau pun masalah sebenar yang dihadapi oleh komuniti setempat.

Terdapat pelbagai langkah dan pendekatan yang telah digunakan oleh agensi pelaksana dalam usaha untuk mengenal pasti keperluan atau masalah yang dihadapi oleh komuniti setempat. Antara pendekatan yang paling popular dan sering kali dipraktikkan oleh agensi pelaksana adalah dengan melantik pakar-pakar pembangunan daripada luar komuniti untuk membuat penilaian terhadap keperluan komuniti, seterusnya, mencadangkan intervensi-intervensi program yang difikirkan sesuai untuk diimplementasikan. Namun demikian, intervensi program yang disarankan oleh pakar-pakar pembangunan ini sering kali menemui jalan buntu dan gagal dalam menangani isu-isu komuniti setempat khususnya dari segi mendapat sokongan, kerjasama serta keterlibatan komuniti dalam menjayakan program yang diimplementasikan. Justeru itu, artikel ini melihat bahawa langkah yang diyakini berkesan dan efektif dalam mengatasi perkara tersebut adalah dengan melibatkan komuniti itu sendiri dalam proses perencanaan atau membuat keputusan berkaitan dengan program yang ingin dilaksanakan.

Berdasarkan hujah-hujah yang telah dikemukakan, maka artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan komuniti Iban di rumah panjang dalam aktiviti-aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program pembasmian kemiskinan (Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat) yang dilaksanakan di tempat mereka. Penglibatan tersebut telah diteliti berdasarkan sepuluh dimensi yang merangkumi elemen-elemen yang sepatutnya menjadi fokus dalam perencanaan sesuatu program. Sepuluh dimensi yang dimaksudkan termasuklah kehadiran dalam mesyuarat, menanyakan soalan, memberi pendapat, menilai masalah, menyelesaikan masalah pelaksanaan, membuat keputusan mengenai pelaksanaan aktiviti, membuat keputusan dalam pengagihan manfaat, membuat perancangan aktiviti, mengurus konflik dan mewakili penduduk rumah panjang dalam perbincangan dengan agensi pelaksana.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membolehkan agensi-agensi pembangunan yang berkaitan terutamanya pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Pejabat Residen Bahagian Kapit serta Pejabat Daerah Song mendapat gambaran yang lebih jelas, tepat dan menyeluruh berkaitan dengan keterlibatan komuniti setempat dalam membuat keputusan. Maklumat sedemikian amat berguna kepada perancang program agar dapat bertindak balas terhadap permasalahan yang dihadapi oleh komuniti Iban melalui pembentukan suatu rangka dasar dan program yang mengambil kira sudut pandangan mereka sendiri. Ini dapat dilakukan dengan memastikan keterlibatan komuniti tersebut dalam proses membuat keputusan sebelum pelaksanaan sesebuah projek atau program di tempat mereka.

Penglibatan dalam Membuat Keputusan

Kerajaan Malaysia telah menjadikan pembangunan komuniti sebagai strategi bagi meningkatkan kesejahteraan hidup dan membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk yang masih mencatatkan kadar kemiskinan yang tinggi. Usaha untuk mencapai matlamat meningkatkan kesejahteraan hidup dan pembasmian kemiskinan ini memerlukan penglibatan kumpulan sasar dalam program pembangunan komuniti yang dilaksanakan. Penglibatan daripada golongan penerima manfaat iaitu ahli komuniti itu sendiri adalah mekanisme yang mampu menggalakkan penyertaan aktif komuniti dalam perkongsian kerja, membuat keputusan dan menjadi perwakilan dalam struktur komuniti bagi mengurangkan kadar kemiskinan (Alladadi 2011).

Menurut Gerald dan Benon (2012) penglibatan dalam membuat keputusan perlu merangkumi aktiviti-aktiviti seperti menghadiri mesyuarat, memberi sumbangan dari segi lisan dan tulisan, mengundi, mewujudkan kerjasama dan memegang jawatan kepimpinan dalam organisasi tempatan yang dianggotai. Walau bagaimanapun, penglibatan dalam membuat keputusan hanya akan berlaku apabila komuniti setempat yang terlibat saling mempercayai antara satu sama lain dan mempunyai keyakinan terhadap semua pihak yang terlibat (Zulkarnain 1985). Ini termasuklah kesanggupan ahli komuniti

untuk menerima dan menghormati pendapat, pandangan, tanggungjawab serta keupayaan ahli komuniti yang lain untuk turut serta dan memberi sumbangan dalam proses membuat keputusan.

Cohen dan Uphoff (1977) telah mengenal pasti tiga set keputusan yang harus dibuat dalam pelaksanaan projek pembangunan iaitu keputusan awal (*initial decisions*), keputusan berterusan (*on-going decisions*) dan keputusan operasi (*operational decisions*). Keputusan awal adalah untuk menentukan tiga perkara utama iaitu keperluan dan keutamaan, sama ada sesuatu projek atau aktiviti itu perlu dilaksanakan atau tidak dan apa yang akan dilakukan (Cohen & Uphoff 1977). Keputusan berterusan menitik beratkan tiga aspek utama. Pertama, penentuan keperluan dan keutamaan projek. Kedua, penentuan sama ada meneruskan projek atau tidak. Ketiga, untuk menentukan apa yang perlu dilakukan, bagaimana projek dijalankan dan siapa yang terlibat dalam projek tersebut. Manakala keputusan operasi pula dibuat apabila organisasi tempatan yang berkaitan dengan program atau projek mempunyai input yang signifikan terhadap prestasi, operasi serta keputusan berkecenderungannya. Keputusan operasi dilaksanakan melalui keahlian, mesyuarat, pemilihan ketua, kawalan terhadap kakitangan dan mengambil inisiatif melalui hubungan serta lobi (Cohen & Uphoff 1977).

Metod Penyelidikan

Objektif utama artikel ini adalah untuk mengenal pasti penglibatan komuniti Iban dalam aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR. Untuk mencapai objektif ini, kajian berbentuk kuantitatif telah dijalankan di Daerah Song, Sarawak. Pemilihan daerah ini didasarkan pada fakta bahawa daripada tiga puluh satu buah daerah di Sarawak, Daerah Song adalah antara daerah yang telah mendapat peruntukan yang besar dalam pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Daerah Song yang terletak di kawasan luar bandar merupakan daerah terpencil dan terpinggir daripada arus pembangunan. Semasa kajian ini dijalankan, daerah ini masih tidak mempunyai kemudahan jalan raya yang menghubungkannya dengan daerah atau bahagian lain di negeri Sarawak.

Subjek kajian ini terdiri daripada 260 orang Ketua Isi Rumah (KIR) komuniti Iban yang tinggal di rumah. Responden kajian telah dipilih menerusi tiga tahap pensampelan rawak mudah yang melibatkan pemilihan (i) kawasan rumah panjang, (ii) rumah panjang dan (iii) responden kajian (Ketua Isi Rumah, KIR). Pemilihan kawasan rumah panjang, rumah panjang dan responden dalam kajian ini telah dibuat secara rawak mudah dengan mengamalkan kaedah cabutan undi. Data primer dalam kajian ini telah diperolehi melalui temu bual berstruktur menggunakan borang soal selidik. Di samping itu juga, temu bual tidak berstruktur telah dilakukan dengan beberapa orang KIR di rumah panjang yang terpilih bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berhubung dengan penglibatan mereka dalam aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program di bawah SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang mereka.

Bahagian utama yang terkandung dalam borang soal selidik ini telah direka bentuk secara khusus untuk meneliti penglibatan komuniti dalam membuat keputusan. Penglibatan komuniti Iban dalam aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program di bawah SPKR telah diukur berdasarkan sepuluh dimensi berikut: kehadiran dalam mesyuarat, menanyakan soalan, memberi pendapat, menilai masalah, menyelesaikan masalah pelaksanaan, membuat keputusan mengenai pelaksanaan aktiviti, membuat keputusan dalam pengagihan manfaat, membuat perancangan aktiviti, mengurus konflik dan mewakili penduduk rumah panjang dalam perbincangan dengan agensi pelaksana. Dimensi ini dibina oleh pengkaji berpandukan rujukan literatur dan kajian-kajian lepas berkaitan dengan penglibatan komuniti. Setiap dimensi seperti mana yang dinyatakan di atas telah diukur menggunakan skala Likert "Tidak Pernah", "Sekali Skala", "Kerap" dan "Hampir Setiap Kali". Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan SPSS. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan statistik asas (frekuensi dan peratusan) bagi semua angkuabah dalam kajian dan untuk mengenal pasti penglibatan komuniti Iban dalam membuat keputusan program di bawah SPKR.

Sebelum menjalankan kajian sebenar, pengkaji telah menjalankan kajian rintis (*pilot study*) terlebih dahulu bagi menyemak kesesuaian arahan dan menguji item dalam soal selidik yang akan digunakan.

Hasil kajian rintis ini dapat menentukan kebolehpercayaan soal selidik yang dibina. Selain daripada itu, kajian rintis juga membantu pengkaji menganggarkan jangka masa untuk responden menjawab soal selidik yang dikemukakan. Kajian rintis ini melibatkan 30 orang responden yang terdiri daripada masyarakat Iban di Daerah Song, Sarawak. Responden yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah masyarakat Iban yang tidak terpilih dalam kajian sebenar. Ini dilakukan untuk memastikan mereka yang terlibat dalam kajian rintis ini mempunyai kebarangkalian yang rendah untuk berjumpa atau berinteraksi dengan individu yang terlibat dalam kajian sebenar dan dapat membantu mengurangkan kesan awal (*priming affect*) sebagaimana yang telah disarankan oleh Sabitha (2005). Kajian rintis ini telah dijalankan di Rumah Panjang Nyulang, Nanga Sekedai dan Rumah Panjang Imbal, Nanga Sekedai, Song, Sarawak. Seramai 30 responden daripada kedua-dua rumah panjang telah dipilih sebagai responden kajian rintis ini. Satu soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian. Responden kajian juga diberikan peluang untuk berinteraksi, bertanya dan meminta penjelasan daripada pengkaji jika menghadapi kekeliruan atau ketidakjelasan pada pernyataan atau arahan yang terdapat dalam soal selidik tersebut. Pengkaji juga telah meminta maklum balas dan cadangan daripada responden bagi menambah baik borang soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar. Hasil analisis "*Reliability*" menggunakan sub-program "*Cronbach's Alpha*" ke atas instrumen kajian yang digunakan mendapati nilai $\alpha = .965$ iaitu kebolehpercayaan yang sangat tinggi.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Penglibatan komuniti Iban dalam membuat keputusan program di bawah SPKR diukur menerusi sepuluh dimensi iaitu kehadiran dalam mesyuarat SPKR, menanyakan soalan dalam perjumpaan dan perbincangan program di bawah SPKR, memberi pendapat dalam perbincangan pelaksanaan program di bawah SPKR, menilai masalah dalam program di bawah SPKR, menyelesaikan masalah pelaksanaan program di bawah SPKR, membuat keputusan mengenai pelaksanaan aktiviti program di bawah SPKR, membuat keputusan dalam pengagihan manfaat program di bawah SPKR, membuat perancangan aktiviti program di bawah SPKR, mengurus konflik penduduk rumah panjang dalam pelaksanaan program di bawah SPKR dan mewakili penduduk rumah panjang dalam perbincangan dengan agensi pelaksana.

Pengkaji membuat ketetapan bahawa KIR telah melibatkan diri dalam aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR apabila mereka telah turut serta dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti membuat keputusan di atas. Merujuk kepada Jadual 1, sebilangan besar (90.0%) KIR telah terlibat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti membuat keputusan berkaitan pelaksanaan program-program di bawah SPKR di kawasan rumah panjang mereka. Hanya sebilangan kecil (10.0%) sahaja KIR yang tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program di bawah SPKR. Seterusnya, perbincangan ini memfokuskan kepada penemuan kajian berkaitan dengan penglibatan masyarakat Iban dalam setiap aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR di Daerah Song, Sarawak. Penganalisan penglibatan dalam setiap aktiviti membuat keputusan berikutnya adalah berdasarkan bilangan KIR yang terlibat dalam sekurang-kurangnya satu aktiviti membuat keputusan.

Jadual 1 : Penglibatan Membuat Keputusan Program SPKR

| Penglibatan Dalam Membuat Keputusan | Bil | % |
|-------------------------------------|------------|-------------|
| Tidak Terlibat | 26 | 10.0 |
| Terlibat | 234 | 90.0 |
| Jumlah | 260 | 100.0 |

Kehadiran Mesyuarat dalam SPKR

Mohd Yusof, Noor Rahamah, Abd Hair, Junaenah dan Ong (2011) menyatakan antara teknik untuk menggalakkan penyertaan daripada kumpulan sasar dalam program pembangunan adalah dengan mengadakan dialog atau perbincangan dengan mereka. Menerusi perbincangan tersebut, agensi pelaksana boleh mendapatkan lebih banyak informasi dan ia juga cara paling baik untuk memahami masalah dan keperluan yang dihadapi oleh penduduk setempat. Informasi tersebut kemudiannya dapat membantu agensi pelaksana untuk membuat perancangan tentang program-program SPKR yang bersesuaian dengan latar belakang masyarakat tersebut.

Di peringkat Daerah Song, mesyuarat umum mengenai program di bawah SPKR selalunya dikendalikan oleh Pejabat Daerah Song selaku agensi pelaksana program di bawah skim tersebut. Mesyuarat atau perjumpaan berkaitan dengan skim tersebut diadakan di Dewan Masyarakat Song dan Pejabat Daerah Song. Antara mesyuarat yang diadakan bagi membincangkan aktiviti antara agensi pelaksana dan penduduk rumah panjang adalah seperti mesyuarat dengan Pejabat Daerah Song, mesyuarat dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), mesyuarat dengan Pejabat Pelajaran Daerah, mesyuarat dengan Pejabat Residen dan mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di peringkat rumah panjang.

Dalam kajian ini, penduduk rumah panjang telah ditanya tentang kehadiran mereka dalam mesyuarat umum berkaitan dengan program-program di bawah SPKR dalam tiga tahun yang lalu. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan hampir separuh (49.6%) daripada KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR menyatakan mereka sekali sekala terlibat dalam menghadiri mesyuarat umum berkait dengan program di bawah SPKR (Jadual 2). Penemuan kajian turut menunjukkan besar juga bilangan (31.2%) KIR yang kerap hadir dalam mesyuarat-mesyuarat umum untuk membincangkan aktiviti program SPKR yang melibatkan rumah panjang mereka. Sebilangan kecil (16.2%) lagi KIR adalah terdiri daripada mereka hampir setiap kali menghadirkan diri dalam setiap mesyuarat program di bawah SPKR yang diadakan oleh agensi pelaksana SPKR. Hanya segelintir (3.0%) daripada KIR yang terlibat dalam aktiviti membuat keputusan ditemui memberitahu mereka tidak pernah menghadiri sebarang mesyuarat yang berkaitan dengan program-program di bawah SPKR.

Jadual 2 : Penglibatan Dalam Aktiviti Membuat Keputusan Program SPKR

| Aktiviti Membuat Keputusan Program di bawah SPKR | Kekerapan Terlibat Aktiviti Membuat Keputusan | | | | | | | |
|--|---|------|-----|------|-----|------|-----|------|
| | TP | | SS | | K | | HSK | |
| | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % |
| Menghadiri mesyuarat | 7 | 3.0 | 116 | 49.6 | 73 | 31.2 | 38 | 16.2 |
| Menanyakan soalan dalam perbincangan | 55 | 23.5 | 132 | 56.4 | 44 | 18.8 | 3 | 1.3 |
| Memberi pendapat dalam perbincangan | 66 | 28.2 | 125 | 53.4 | 40 | 17.1 | 3 | 1.3 |
| Menilai masalah dalam pelaksanaan | 146 | 62.4 | 78 | 33.3 | 8 | 3.4 | 2 | 0.9 |
| Menyelesaikan masalah pelaksanaan | 138 | 59.0 | 86 | 36.8 | 8 | 3.4 | 2 | 0.9 |
| Membuat keputusan pelaksanaan | 108 | 46.2 | 104 | 44.4 | 20 | 8.5 | 2 | 0.9 |
| Membuat keputusan pengagihan manfaat | 105 | 44.9 | 107 | 45.7 | 20 | 8.5 | 2 | 0.9 |
| Membuat perancangan kerja | 157 | 67.1 | 73 | 31.2 | 2 | 0.9 | 2 | 0.9 |
| Mengurus konflik pelaksanaan | 46 | 19.7 | 106 | 45.3 | 61 | 26.1 | 21 | 9.0 |
| Mewakili penduduk dalam perbincangan | 50 | 21.4 | 91 | 38.9 | 48 | 20.5 | 25 | 19.2 |

Nota : TP=Tidak Pernah SS =Sekali Sekala K=Kerap HSK= Hampir Setiap Kali

Mengemukakan Pertanyaan dalam Perbincangan SPKR

Sebelum program di bawah SPKR dilaksanakan, perjumpaan antara agensi pelaksana dengan peserta atau penerima bantuan atau wakil penerima bantuan diadakan terlebih dahulu. Antara perjumpaan yang diadakan adalah seperti perjumpaan untuk membincangkan cadangan pelaksanaan aktiviti di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Bantuan Rumah (PBR) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Contohnya, dalam sesi perbincangan PBR, taklimat ringkas mengenai bantuan-bantuan di bawah program tersebut disampaikan oleh pegawai daerah. Sejurus selesainya taklimat ringkas oleh pegawai daerah, para penerima bantuan atau wakil kepada penduduk rumah panjang yang hadir dalam perbincangan tersebut diberi peluang berinteraksi dengan pegawai agensi pelaksana. Mereka juga diberi peluang untuk mengemukakan soalan atau pertanyaan tentang pelaksanaan program tersebut.

Analisis terhadap kekerapan mengemukakan pertanyaan soalan dalam perbincangan SPKR bagi KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR menunjukkan lebih separuh (56.4%) daripada KIR menyatakan mereka hanya sekali sekala sahaja mengemukakan pertanyaan soalan dalam perbincangan yang diadakan (Jadual 2). Hanya sebilangan kecil (18.8%) sahaja daripada KIR yang telah disoal memberitahu mereka kerap menanyakan soalan ketika dalam perbincangan aktiviti dan program di bawah SPKR. Hanya segelintir (1.3%) daripada KIR melaporkan yang mereka hampir setiap kali mengemukakan pertanyaan apabila menghadiri sesi perbincangan program di bawah SPKR. Analisis kajian turut menunjukkan masih ramai (23.5%) lagi KIR di rumah panjang yang tidak pernah menanyakan soalan dalam perbincangan-perbincangan aktiviti program SPKR yang diadakan.

Memberi Pendapat dalam Perbincangan SPKR

Menurut Haidar, Ahmad Fareed dan Jamsiah (2010) konsep penglibatan menggalakkan semua pihak turut serta bersama berkongsi pendapat dalam membuat keputusan dan menentukan matlamat program. Selain itu, individu juga perlu diberi peluang untuk menyuarakan pendapat mereka dan meluahkan pandangan mereka dalam proses membuat keputusan yang memberi kesan kepada kehidupan mereka (Songan 1992). Ini kerana penduduk setempat yang terlibat dalam program yang dilaksanakan lebih mengetahui masalah dan keperluan utama mereka sendiri. Dalam pengurusan organisasi atau komuniti, masalah-masalah yang timbul lebih mudah diatasi sekiranya semua pihak yang terbabit diberi peluang untuk turut serta berkongsi idea dan pendapat (Haidar et al. 2010).

KIR di rumah panjang yang telah terlibat dalam kajian ini diminta untuk memberikan maklum balas berkaitan dengan kekerapan mereka berkongsi pendapat semasa perbincangan mengenai program di bawah SPKR diadakan bersama agensi pelaksana dan JKKK di rumah panjang. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (53.4%) daripada KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan berkaitan program di bawah SPKR telah turut serta secara sekali sekala dalam menyuarakan pandangan atau memberikan pendapat mereka berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti program di bawah skim tersebut (Jadual 2). Analisis data kajian turut menunjukkan sebanyak 17.1 peratus KIR yang kerap menyumbang cadangan atau pendapat dalam setiap perjumpaan yang diadakan. Segelintir (1.3%) sahaja KIR di rumah panjang yang hampir setiap kali perjumpaan ada meluahkan pandangan mereka terhadap pelaksanaan program-program di bawah SPKR di tempat mereka. Selebihnya (28.2%) adalah golongan KIR yang tidak pernah memberikan sebarang pendapat dalam perbincangan program-program di bawah SPKR.

Menilai Masalah dalam Pelaksanaan SPKR

Terdapat pelbagai masalah yang mungkin timbul sepanjang pelaksanaan sesebuah program pembangunan. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk agensi pelaksana mengenal pasti masalah-masalah tersebut secara menyeluruh dan hanya bergantung pada penilaian yang dilakukan oleh pihak penilai yang bukan dari kalangan golongan penerima manfaat program tersebut.

Antara cara yang efektif bagi mengenal pasti masalah-masalah tersebut dari segi pembangunan komuniti adalah dengan melibatkan golongan penerima manfaat itu sendiri dalam membuat penilaian ke atas masalah-masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan program tersebut. Golongan penerima manfaat merupakan golongan yang akan berhadapan dengan masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan program pembangunan. Mereka lebih mengetahui situasi sebenar yang dialami oleh penduduk setempat. Oleh itu, penyertaan mereka dalam aktiviti penilaian masalah dapat membantu agensi pelaksana mendapat gambaran sebenar berkait dengan situasi dan masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan program pembangunan di tempat mereka. Dengan demikian, usaha-usaha penambahbaikan dapat dilakukan dengan lebih berkesan dalam pelaksanaan aktiviti dan program pembangunan yang seterusnya.

Dalam konteks kajian ini, masalah pelaksanaan merujuk kepada masalah-masalah yang melibatkan akses terhadap agensi pelaksana, maklumat dan sumber bantuan, kesesuaian bantuan program di bawah SPKR dan kecukupan bantuan yang disalurkan di bawah skim tersebut. Penemuan kajian mendapati sebahagian besar (62.4%) daripada KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan berkenaan program di bawah SPKR menyatakan mereka tidak terlibat dalam menilai masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan program-program di bawah SPKR (Jadual 2). Penemuan kajian turut menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil (33.3%) daripada KIR di rumah panjang yang sekali sekala mengambil bahagian dalam menilai masalah-masalah dalam pelaksanaan SPKR di tempat mereka. Hanya 3.4 peratus (lapan orang) daripada KIR di rumah panjang yang kerap melibatkan diri dalam menilai masalah program di rumah panjang. Selebihnya, 0.9 peratus sahaja (dua orang) KIR yang hampir setiap kali turut serta dalam menilai masalah dalam pelaksanaan program di bawah skim tersebut.

Menyelesaikan Masalah Pelaksanaan Program di bawah SPKR

Menurut Haris (2009) proses mengenal pasti masalah atau keperluan yang wujud dalam pelaksanaan aktiviti atau projek merupakan tahap yang penting dalam projek pembangunan komuniti. Ini kerana masalah atau keperluan yang dikenal pasti akan membantu pembentukan cadangan pembangunan aktiviti dan program yang lebih baik kepada penduduk setempat yang terlibat. Namun begitu, proses menyelesaikan masalah tidak seharusnya melibatkan pihak agensi pelaksana semata-mata sebaliknya turut melibatkan golongan penerima manfaat. Ini selari dengan pendapat Wang (2006) yang melihat bahawa penglibatan secara keseluruhannya dianggap sebagai penglibatan komuniti itu sendiri dalam projek pembangunan untuk menyelesaikan masalah bersama.

Dalam kajian ini, KIR diminta menyatakan sama ada mereka terlibat dalam menyelesaikan masalah berkait dengan pelaksanaan aktiviti program di bawah SPKR. Berdasarkan dapatan kajian di Jadual 2, didapati lebih separuh (59.0%) daripada KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan berkenaan dengan program di bawah SPKR secara jujur memberitahu mereka tidak pernah terlibat dalam sebarang usaha untuk menyelesaikan masalah pelaksanaan program-program di bawah SPKR. Ini berlaku kerana segala urusan berkait dengan rumah panjang termasuk juga tugas menyelesaikan masalah pelaksanaan program di rumah panjang selalunya melibatkan JKKK yang terdapat di rumah panjang. Selain itu, KIR-KIR di rumah panjang khususnya mereka yang sudah tidak produktif dari segi fizikal selalunya dengan rela hati menyerahkan tugas tersebut untuk diambil alih oleh JKKK di rumah panjang mereka. Walau bagaimanapun, sebanyak 36.8 peratus KIR menyatakan yang mereka sekali sekala terlibat untuk membantu mencari jalan penyelesaian kepada masalah berkait dengan pelaksanaan aktiviti SPKR di rumah panjang mereka. Segelintir daripada KIR tersebut adalah antara penduduk rumah panjang yang kerap (3.4%) dan terlibat hampir setiap kali (0.9%) perbincangan untuk mengatasi pelbagai masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan program di bawah SPKR.

Membuat Keputusan Pelaksanaan Aktiviti Program di bawah SPKR

Dalam perancangan aktiviti pembangunan, penyertaan ahli komuniti dilihat penting kerana ahli komuniti diandaikan lebih tahu keperluan dan masalah utama yang dihadapi oleh mereka. Memandangkan bahawa komuniti lebih tahu tentang keperluan utama dan aktiviti program

pembangunan yang perlu diutamakan di kawasan tempat tinggal mereka, maka adalah perlu untuk agensi pelaksana melibatkan mereka dalam menentukan pelaksanaan aktiviti tersebut.

Penemuan kajian menunjukkan hampir separuh (46.2%) daripada KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan berkenaan dengan program di bawah SPKR bertegas bahawa mereka tidak pernah terlibat dalam membuat keputusan menentukan aktiviti atau program yang hendak dilaksanakan di bawah SPKR (Jadual 2). Kurang daripada separuh (44.4%) daripada penduduk rumah panjang yang ditemui memaklumkan mereka sekali sekala sahaja turut serta dalam menentukan aktiviti atau program yang hendak dilaksanakan di bawah skim tersebut. Hanya segelintir daripada KIR yang menyatakan mereka kerap (8.5%) dan hampir setiap kali (0.9%) menyertai proses menentukan program yang hendak dilaksanakan di bawah SPKR di tempat mereka.

Tidak semua komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR akan melibatkan golongan penerima manfaat dalam membuat keputusan pelaksanaannya. Keputusan pelaksanaan berkait dengan beberapa program seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera), Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Program Makanan Tambahan Seimbang (PMTS) dan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) ditentukan oleh agensi pelaksana tanpa melibatkan perbincangan dengan golongan penerima manfaat. Sebaliknya, golongan penerima manfaat dalam kalangan penduduk rumah panjang lebih banyak terlibat dalam aktiviti membuat keputusan pelaksanaan program seperti PPP, PPMI, PKP, PBR dan PLKK.

Membuat Keputusan dalam Pengagihan Manfaat

Antara keputusan dalam pengagihan manfaat yang perlu dibuat dalam kalangan penerima program di bawah SPKR ialah membuat pengagihan bantuan bahan dan peralatan membina rumah di bawah PBR kepada setiap isi rumah di rumah panjang. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan kurang daripada separuh (45.7%) daripada KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR menyatakan mereka sekali sekala sahaja terlibat dalam membuat keputusan berkaitan pengagihan manfaat program-program di bawah SPKR (Jadual 2). Bagaimanapun, gambaran yang berbeza dapat dilihat dengan lebih jelas di dalam Jadual 2 yang menunjukkan hanya segelintir kecil penduduk rumah panjang yang kerap (8.5%) dan mereka yang hampir setiap kali (0.9%) menyertai aktiviti membuat keputusan dalam pengagihan manfaat bantuan program di bawah SPKR.

Analisis data yang terkandung dalam Jadual 2 turut menggambarkan masih ramai (44.9%) daripada KIR yang tidak pernah mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti membuat keputusan berkait dengan pengagihan manfaat daripada bantuan program di bawah SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang mereka. Kekurangan penglibatan KIR dalam aktiviti membuat keputusan dalam pengagihan manfaat ini disebabkan oleh kecenderungan KIR di rumah panjang yang menyerahkan semua tanggungjawab berkaitan dengan aktiviti pembangunan rumah panjang kepada ketua masyarakat, ketua kaum dan JKKK yang terdapat di rumah panjang. Dengan demikian, ketua masyarakat, ketua kaum dan JKKK merupakan golongan yang terlibat secara langsung bagi mewakili penduduk rumah panjang masing-masing dalam proses menentukan manfaat yang layak diterima oleh mereka.

Membuat Perancangan Kerja SPKR

Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (67.1%) daripada KIR yang telah terlibat dalam membuat keputusan berkenaan program di bawah SPKR mengakui bahawa mereka tidak pernah terlibat dalam membuat perancangan kerja yang hendak dilaksanakan dalam program di bawah SPKR (Jadual 2). Data kajian turut membuktikan hanya sebilangan kecil (31.2%) sahaja daripada KIR yang ditemui memaklumkan yang mereka sekali sekala terlibat dalam aktiviti membuat perancangan kerja bagi program-program di bawah skim tersebut. Analisis di dalam jadual tersebut juga menunjukkan hanya segelintir daripada KIR yang kerap (0.9%) dan hampir setiap kali perjumpaan (0.9%) dalam mesyuarat telah mengambil bahagian membuat perancangan kerja SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang mereka.

Mengurus Konflik Penduduk Rumah Panjang dalam Pelaksanaan SPKR

Jayum (1996) yang mengkaji pengurusan dan penyelesaian konflik dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak menghujahkan bahawa konflik berhubung kait rapat dengan sosiobudaya masyarakat itu sendiri. Menurutnya, konflik dapat dikurangkan sekiranya manusia dapat diasuh menerima peranan mereka dalam nilai sosiobudaya masyarakatnya. Dalam kalangan masyarakat Iban, sosiobudaya mereka yang menggalakkan saling pergantungan di antara individual merupakan elemen penting yang menentukan tingkat konflik dalam kalangan komuniti berkenaan.

Dalam konteks kajian ini pula, pengkaji melihat bahawa pengurusan konflik yang timbul antara penerima manfaat iaitu komuniti Iban dalam program di bawah SPKR adalah perlu bagi memastikan pelaksanaan aktiviti dan program di bawah skim tersebut tidak mengalami gangguan atau terjejas. Penemuan kajian menunjukkan agak ramai (45.3%) daripada KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program-program di bawah SPKR telah turut serta secara sekali sekala dalam mengurus konflik yang timbul dalam kalangan penduduk rumah panjang sepanjang pelaksanaan program tersebut di kawasan mereka (Jadual 2). Tidak kurangnya juga sebanyak 26.1 peratus daripada penduduk di rumah panjang yang disoal menyatakan mereka kerap melibatkan diri dalam membantu mengatasi perselisihan atau pertikaian antara penduduk rumah panjang dalam pelaksanaan program di bawah SPKR. Segelintir sahaja (9.0%) daripada KIR menyuarakan yang mereka hampir setiap kali terlibat dalam perbincangan program di bawah SPKR bagi membantu menyelesaikan konflik terutamanya dalam keadaan penduduk rumah panjang gagal mencapai kata sepakat berkaitan dengan pelaksanaan program-program di bawah SPKR di tempat mereka. Sebilangan kecil (19.7%) daripada KIR yang disoal memaklumkan yang mereka tidak pernah mengambil bahagian dalam mengurus sebarang konflik dalam kalangan penduduk rumah panjang yang bersangkutan dengan pelaksanaan aktiviti dan program di bawah SPKR.

Menjadi Wakil Penduduk Rumah Panjang dalam Perbincangan SPKR

Dalam pelaksanaan program-program di bawah SPKR di peringkat Daerah Song, wakil daripada setiap rumah panjang adalah diperlukan dalam perbincangan mengenai SPKR. Ini kerana sebelum setiap program di bawah SPKR dilaksanakan, pegawai daerah yang juga berperanan sebagai pegawai pelaksana program SPKR di Daerah Song perlu mendapatkan maklum balas serta gambaran awal daripada penduduk rumah panjang tentang kebolehlaksanaan program bantuan di bawah skim tersebut. Untuk tujuan tersebut, KIR yang telah dipersetujui oleh majoriti daripada penduduk rumah panjang akan menjadi wakil kepada penduduk rumah panjang bagi mengadakan pertemuan secara bersemuka dengan pegawai pelaksana SPKR untuk membincangkan maklumat terperinci berkaitan dengan pelaksanaan program di bawah SPKR di rumah panjang mereka.

Menurut Haris (2009) mewakili kumpulan dalam perbincangan dengan pegawai daripada agensi pelaksana merupakan satu bentuk tanggungjawab besar yang perlu dipikul oleh mereka yang terlibat. Ini kerana mereka yang dipilih menjadi wakil untuk mengadakan perbincangan dengan agensi pelaksana SPKR harus dapat menjamin bahawa segala keputusan atau cadangan atau pendapat yang dikemukakan perlu mengutamakan kepentingan keseluruhan penduduk rumah panjang.

Hasil daripada maklum balas penduduk rumah panjang, didapati sebanyak 38.9 peratus daripada KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program di bawah SPKR telah turut serta secara sekali sekala dalam mewakili penduduk rumah panjang dalam aktiviti perbincangan dan dialog bersama pegawai pelaksana program di bawah SPKR (Jadual 2). Selain itu, sebanyak 20.5 peratus daripada KIR yang ditemui turut memaklumkan yang mereka kerap menjadi wakil penduduk rumah panjang dalam mengadakan perbincangan bersemuka dengan agensi pelaksana program. Tidak kurangnya juga 19.2 peratus daripada KIR yang hampir setiap kali dipilih menjadi wakil kepada penduduk rumah panjang bagi menyuarakan pandangan dan pendapat dalam perbincangan bersama pegawai pelaksana program SPKR. Besar juga bilangan (21.4%) KIR di rumah panjang yang menyatakan mereka tidak pernah terlibat dalam menjadi wakil penduduk rumah panjang dalam mengadakan perjumpaan dan perbincangan berkaitan dengan aktiviti dan program di bawah SPKR.

Kesimpulan

Tujuan artikel ini adalah untuk mengenal pasti penglibatan komuniti Iban dalam aktiviti membuat keputusan berkaitan dengan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di tempat mereka. Secara keseluruhannya, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa KIR yang telah terlibat dalam aktiviti membuat keputusan program di bawah SPKR menyatakan mereka sekali sekala terlibat dalam aktiviti menghadiri mesyuarat, mewakili penduduk dalam perbincangan, memberi pendapat dalam perbincangan, mengurus konflik pelaksanaan program dan menanyakan soalan dalam perbincangan program di bawah skim berkenaan. Hanya sebilangan kecil sahaja KIR yang kerap atau hampir setiap kali terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas.

Penemuan kajian ini turut mendapati ramai bilangan KIR yang mengakui mereka tidak pernah terlibat dalam membuat perancangan kerja, menilai masalah dalam pelaksanaan, menyelesaikan masalah pelaksanaan dan membuat keputusan pelaksanaan program di bawah SPKR. Penemuan kajian ini memberi implikasi bahawa masih terdapat banyak usaha yang perlu dilakukan oleh agensi pelaksana program untuk memastikan penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti membuat keputusan.

Dalam proses membuat keputusan, wakil kepada komuniti setempat dipastikan hadir bersama dalam mesyuarat yang diadakan. Wakil kepada ahli komuniti setempat juga seharusnya diberi peluang dan ruang yang lebih luas untuk menyuarakan masalah dan keperluan yang komuniti setempat. Dalam sesi perbincangan tersebut, ahli komuniti digalakkan untuk turut serta dalam mengemukakan cadangan program atau aktiviti yang difikirkan oleh mereka lebih sesuai untuk dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Keterlibatan aktif komuniti Iban dalam proses membuat keputusan di rumah panjang dapat direalisasikan menerusi "*randau*" atau "*aum*". Menurut Robert (2008) istilah "*randau*" atau "*aum*" merujuk kepada mesyuarat rasmi yang melibatkan sesi dialog antara "*tuai rumah*" dengan "*tuai bilik*" di rumah panjang. Dalam sesi "*randau*" atau "*aum*" yang diadakan itu, "*tuai rumah*" adalah individu yang bertanggungjawab untuk memulakan dialog berkenaan dengan memaklumkan kepada penduduk di rumah panjang tujuan mengadakan "*randau*" atau "*aum*" (Robert 2008). Penduduk rumah panjang yang terlibat dalam "*randau*" atau "*aum*" kemudiannya diberi peluang untuk bercakap dan memberikan komen serta cadangan tentang perkara-perkara yang dibincangkan mereka. Menurut Robert (2008) tidak ada sekatan dikenakan ke atas bilangan penduduk yang boleh bercakap atau mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Segala keputusan dalam sesi "*randau*" atau "*aum*" dicapai menerusi persetujuan majoriti daripada penduduk yang hadir dalam sesi berkenaan.

Selain terlibat secara langsung dalam sesi "*randau*" atau "*aum*" di peringkat rumah panjang, "*tuai rumah*" dan "*tuai bilik*" merupakan mereka yang bertanggungjawab bagi mewakili komuniti di rumah panjang dalam menghadiri setiap perjumpaan dan mesyuarat yang diadakan bersama agensi kerajaan bagi membincangkan hal ehwal rumah panjang serta projek-projek pembangunan. "*Tuai rumah*" dan "*tuai bilik*" bukan sekadar menyumbang pandangan atau menyuarakan pendapat mereka semata-mata. Malah dalam situasi yang memerlukan kata putus, "*tuai rumah*" dan "*tuai bilik*" merupakan golongan yang diberikan kepercayaan oleh penduduk rumah panjang bagi mewakili pihak mereka dalam membuat keputusan. Selain itu, "*tuai rumah*" dan "*tuai bilik*" juga menjadi saluran utama kepada agensi kerajaan untuk menyampaikan informasi-informasi penting kepada penduduk di rumah panjang. Mereka menjadi penghubung antara agensi pelaksana dengan penduduk di rumah panjang. Keadaan di atas jelas membuktikan bahawa "*tuai rumah*" dan "*tuai bilik*" memainkan peranan yang penting dalam menentukan darjah penglibatan masyarakat Iban dalam sesuatu program yang dilaksanakan di rumah panjang mereka.

Justeru itu, usaha kerajaan untuk mengadakan program pembangunan dan program pembasmian kemiskinan di rumah panjang harus mendapat sokongan dan kerjasama daripada "*tuai rumah*" dan "*tuai bilik*". Sokongan tersebut adalah penting kerana penduduk di rumah panjang selalunya bertindak mengikut keputusan dan tindakan ketua kaum mereka. Apabila "*tuai rumah*" dan "*tuai bilik*" serta agensi pelaksana dapat mencapai kata sepakat, maka ia juga dapat memastikan seluruh penerima manfaat program pembasmian kemiskinan di rumah panjang lebih bersedia untuk memberikan kerjasama dan turut serta mengambil bahagian dalam menjayakan program yang dilaksanakan di

tempat mereka. Tanpa adanya sokongan tersebut, usaha untuk membangunkan komuniti Iban dan membasmi kemiskinan dalam kalangan mereka mungkin tidak dapat mencapai matlamatnya secara menyeluruh.

Rujukan

- Allahdadi, F. (2011). The level of local participation in rural cooperatives in Iran. *Life Science Journal*, 8(3), 59-62.
- Cohen, J. & Uphoff, N. T. (1977). *Rural development participation: Concepts and measures for project design, implementation and evaluation*. New York: Cornell University Ithaca.
- Gerald, K. K. & Benon, C. B. (2012). Participation of workers and employers Organizations in poverty reduction strategies in Uganda. *Asian Social Science*, 8(3), 218-224.
- Haidar, R. T., Ahmad Fareed, A. R. & Jamiah, M. (2010). Participation and empowerment: Determining the healthcare organization's success. *Journal of Community Health*, 16(1), 38-47.
- Haliza Abdul Rahman (2010). Penglibatan masyarakat peribumi dalam isu berkaitan persekitaran: Tinjauan terhadap suku Mah Meri di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, 17, 111-134.
- Haris Abd. Wahab (2009). *Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti: Kajian kes di negeri Kelantan*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Jayum, J. (1996). Conflict resolution through consensus building: Experiences from the Dayak Iban community of Sarawak, East Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 121-127.
- Mohd Yusof Abdullah, Noor Rahamah Abu Bakar, Abd Hair Awang, Junaenah Sulehan & Ong, P. L. (2011). *Memobilisasikan penyertaan lokal melalui participatory rural appraisal (PRA) bagi penilaian keperluan untuk pembangunan komuniti*. *Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication*, 27(1), 170-179.
- Robert, M. S. (2008). *Communication roles of Iban community structures in rural development projects in Kanowit, Sibu Division, Sarawak*. PhD Thesis, Universiti Malaysia Sarawak.
- Sabitha Marican 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Songan, P. (1992). *Perceived motivations and deterrents associated with participation of peasants in rural development programs in Sarawak, Malaysia*. PhD Dissertation, Cornell University.
- Vixathep, K. (2011). *Women's participation in community development projects: The case of Khmu women in Laos*. Master of Applied Science, Lincoln University.
- Wang, Y. (2006). *Rural community participation in tourism development: Cases from Hainan Province*. China. PhD Thesis, University of Waterloo, Canada.
- Zulkarnain (1985). *Volunteer fieldworker motivation in rural development: A case study from Indonesia*. PhD Thesis, University of Massachusetts.